

Malaysia Perlukan Modal Insan Berilmu Pengetahuan Tinggi - Muhyiddin Bernama
Oct 27, 2014

KOTA SEMARAHAN, 27 Okt (Bernama) -- Malaysia memerlukan tenaga kerja yang bukan sahaja berilmu pengetahuan, tetapi juga yang berkualiti, yang dapat menjana ekonomi negara dengan mampan bagi mencapai status negara maju, kata Timbalan Perdana Menteri Tan Sri Muhyiddin Yassin.

"Pokok pangkalnya kini terletak kepada kebolehan kita, terutama institusi-institusi pengajian tinggi dalam melahirkan generasi baharu yang boleh mengisi keperluan-keperluan ini," katanya semasa berucap pada majlis perjumpaan dengan warga Universiti Malaysia Sarawak (Unimas) di sini Isnin.

Muhyiddin menyentuh tentang cabaran besar negara dalam melahirkan generasi memiliki ilmu pengetahuan tinggi untuk mengisi keperluan modal insan dalam mengharungi pencapaian status negara maju mengikut acuan sendiri pada tahun 2020.

Katanya pada masa yang sama generasi ini juga perlu dibentuk agar tidak mengetepikan kepentingan pembentukan sahsiah diri serta pembinaan sistem nilai diri yang perlu selari dengan adat resam, budaya, dan bangsa.

Muhyiddin yang juga Menteri Pendidikan berkata dalam ledakan teknologi maklumat yang dilalui generasi ketika ini, mereka seharusnya memiliki kemahiran untuk menilai dan memilih sendiri lambakan maklumat yang sampai, agar dapat membezakan mana yang benar dan mana yang palsu.

Beliau berkata bagi mahasiswa, mereka dituntut agar memberi tumpuan kepada potensi diri dalam bidang yang diceburi agar mereka dapat melahirkan kejayaan cemerlang yang boleh dibanggakan.

Muhyiddin berkata para mahasiswa perlu ingat bahawa institusi pengajian tinggi merupakan tempat paling tepat bagi mengembangkan budaya ilmu dalam semua bidang.

Timbalan Perdana Menteri kemudiannya memberi peluang kepada warga Unimas untuk bertanyakan sebarang soalan kepadanya, dan antara yang dibangkitkan adalah tentang Cukai Barang dan Perkhidmatan (CBP), harga rumah yang melambung tinggi, gaji pensyarah, dan Pelan Strategik Pembangunan Pendidikan Negara.

Muhyiddin kemudiannya menyaksikan penyerahan kunci bangunan Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan (FPSK) dan Institut Kesihatan dan Perubatan Komuniti yang baharu kepada Unimas.

Bangunan bernilai RM182 juta di Kampus Barat universiti yang boleh menempatkan lebih 1,000 pelajar itu akan digunakan sebagai pusat melatih pegawai perubatan dan jururawat

serta para penyelidik bagi meningkatkan pengeluaran tenaga manusia terlatih dalam bidang perubatan dan kejururawatan.

-- BERNAMA

Copyright © 2014 BERNAMA

Source :<http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=1079970>